

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(IX)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

13. Minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang jelaskan rancangan Kerajaan Negeri dalam mengawal penggunaan alkohol dalam Negeri Pulau Pinang.
  - (a) Adakah Kerajaan Negeri mengehadkan operasi kelab-kelab malam atau restoran yang menjual alkohol bagi mengekang kemalangan akibat pemandu mabuk?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri melalui kedua-dua PBT iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sememangnya mempunyai perancangan untuk mengawal penggunaan alkohol di negeri Pulau Pinang seperti berikut:
  - (i) Menubuhkan *task force* khas untuk membincangkan secara terperinci dan menyediakan ulasan permohonan lesen jualan arak secara runcit sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pelesenan Eksais Negeri Pulau Pinang.
  - (ii) Menolak semua permohonan lesen jualan arak secara runcit bagi permohonan yang tidak mematuhi kriteria yang telah ditetapkan di peringkat PBT iaitu; jarak premis perniagaan dengan rumah ibadat, pusat pendidikan, kawasan kediaman dan padang permainan hendaklah melebihi radius 250 meter dan tiada premis perniagaan lain yang menjalankan aktiviti jualan arak secara runcit berdekatan premis perniagaan yang memohon.

- (iii) Mempertimbangkan cadangan kawalan terhadap Lesen Jualan Liquor/Arak secara runcit di Pulau Pinang supaya Lesen Jualan Liquor/Arak secara runcit hanya diluluskan di premis-premis perniagaan yang menjalankan perniagaan jualan liquor/arak sahaja.
  - (iv) Mempertimbangkan cadangan untuk menetapkan jualan arak secara runcit di premis yang hanya menjalankan aktiviti jualan arak sahaja tanpa sebarang jualan barang lain.
  - (v) Mendapatkan kerjasama Jabatan Kastam Negeri Pulau Pinang, Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang serta Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang untuk menjalankan operasi bersepadu di premis-premis yang menjalankan aktiviti jualan liquor/arak berlesen dan tidak berlesen.
- (a) Pada ketika ini, pengusaha pusat-pusat hiburan adalah tertakluk kepada syarat jualan minuman alkohol (liquor / arak) di bawah Akta Eksais 1976 dan Peraturan-Peraturan Eksais 1977 yang telah menetapkan had masa jualan mengikut jenis / kelas jualan seperti berikut:
- (i) Kategori: Rumah Awam
- | Jenis/Kelas        | Had Masa Jualan                      |
|--------------------|--------------------------------------|
| Rumah Awam Kelas 1 | 10.00 pagi hingga 12.00 tengah malam |
| Rumah Awam Kelas 2 | 10.00 pagi hingga 10.00 malam        |
| Rumah Awam Kelas 3 | 10.00 pagi hingga 9.00 malam         |
- (ii) Kategori: Rumah Bir
- | Jenis/Kelas       | Had Masa Jualan                      |
|-------------------|--------------------------------------|
| Rumah Bir Kelas 1 | 10.00 pagi hingga 12.00 tengah malam |
| Rumah Bir Kelas 2 | 10.00 pagi hingga 10.00 malam        |

Kerajaan Negeri bersedia untuk mempertimbangkan had masa operasi pusat-pusat hiburan lebih awal daripada had masa operasi sekarang sebagai usaha untuk mengawal kes pemandu yang didapati memandu dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan kematian seperti yang berlaku kepada salah seorang daripada kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) iaitu Allahyarham Mohaidin Gani Mohamad berumur 58 tahun selepas motosikal ditunggangnya dirempuh kereta dipandu seorang pemandu yang dikatakan mabuk, berhampiran lampu isyarat simpang empat Jalan Dato Keramat, Georgetown pada 25 Oktober tahun lalu.

Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri juga akan mempertimbangkan untuk membawa perkara ini kepada Kerajaan Persekutuan supaya satu pindaan akta dapat dibuat terhadap Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi meningkatkan hukuman lebih berat kepada individu yang memandu secara berbahaya dan dalam keadaan mabuk hingga menyebabkan kematian.

Pada masa ini, mengikut undang-undang sedia ada, individu yang memandu dalam keadaan mabuk boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 45A (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang memperuntukkan hukuman denda tidak kurang RM1,000 dan tidak lebih RM6,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan manakala bagi kesalahan memandu dalam keadaan mabuk hingga menyebabkan kematian pula, pesalah boleh dikenakan hukuman mengikut Seksyen 44 (1) Akta 333 yang memperuntukkan hukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada 3 tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun dan didenda tidak kurang daripada RM8,000.00 dan tidak lebih daripada RM20,000.